



TIGA murid sekolah berjalan berhampiran lubang besar yang digali kontraktor projek berhampiran PPR Seri Anggerik, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH



JENTERA berat bagi kerja-kerja pembinaan longkang yang diletakkan berhampiran PPR Seri Anggerik, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur didakwa turut mengundang rasa tidak selesa penduduk.

Penghuni PPR Seri Anggerik dakwa kolam takungan banjir tidak diselenggara

Penduduk derita hidu bau busuk

Oleh **MOHD. ZULFADLI SHARIFUDIN**
kota@utusangroup.com.my

KUALA LUMPUR 12 Mei - Bukan sehari dua penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Anggerik, Jalan Klang Lama di sini terpaksa menghidu bau busuk, sebaliknya sudah lebih lima tahun didakwa berpunca daripada sebuah kolam takungan banjir yang gagal diselenggara pihak bertanggungjawab.

Penduduk mendakwa kolam takungan banjir Batu 4 1/2 itu merupakan milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Disebabkan itu juga, pelbagai masalah timbul termasuk menjadi tempat pembiakan nyamuk dan sekali gus mendatangkan bahaya kepada kesihatan penduduk.

Penulis yang memandu kenderaan menggunakan laluan di Lebuh Raya Pantai Baharu (NPE) arah persimpangan pusat bandar raya, Sungai Besi dan Cheras sebelum

sampai ke lokasi turut terhidu bau busuk dari kolam takungan yang terletak bersebelahan.

Berdasarkan pemerhatian, kolam takungan banjir itu hanya terletak kira-kira beberapa meter dari kawasan perumahan yang dihuni kira-kira 1,500 orang.

Selain bau busuk dan dicemari sampah sarap, persekitaran kawasan kolam itu juga didapati tidak terurus dengan baik apabila dipenuhi semak dan lalang.

Penduduk mendakwa, bau busuk itu berlaku setiap hari dan menimbulkan rasa kurang selesa lebih-lebih lagi ketika cuaca hujan.

Kegagalan pihak bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan kolam berkenaan dibimbangi mengancam keselamatan penduduk. Ini berikutan ia berkemungkinan turut menjadi sarang binatang berbisa seperti ular.

Selain bau busuk, penduduk turut mendakwa diancam bahaya berikutan kontraktor projek ber-

Info PPR SERI ANGERIK

- PPR Seri Anggerik mula diduduki oleh penduduk pada 2007
 - Ia merupakan pemindahan oleh penduduk setinggan dari Liner City 1 di Jalan Klang Lama.
 - Terdapat 316 unit dan 1,580 penghuni.
 - Satu-satunya PPR di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang mempunyai sebuah blok sahaja, selain Perumahan Awam (PA) Wangsa Sari di Wangsa Maju dan PA Seri Perlis 1 di Kampung Datuk Keramat.
- (Info daripada Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti DBKL Wan Mohammad Ghazali Nor)

hampiran mengabaikan aspek keselamatan.

Selain dua buah lubang yang dianggap sebagai 'perangkap maut' kehadiran kenderaan berat yang keluar masuk menggunakan la-

luan utama perumahan itu turut meresahkan penduduk.

Berdasarkan pemerhatian, dakwaan penduduk ternyata berasas.

Kawasan kedua-dua lubang sedalam kira-kira tiga meter yang digali bagi projek longkang itu hanya dipasang pita keselamatan sebagai tanda kawasan larangan.

Pemasangan pita keselamatan itu tidak memberi jaminan keselamatan kepada penduduk, lebih-lebih lagi kepada kanak-kanak.

Demi keselesaan dan keselamatan penduduk, JPS perlu turun padang melihat dan menyelesaikan isu ini.

Kerja-kerja penyelenggaraan perlu dilakukan segera bagi memastikan penduduk tidak terus menanggung derita menghidu bau busuk setiap hari.

DBKL pula perlu mengambil tindakan lebih agresif dengan memantau kontraktor yang didapati gagal mematuhi syarat-syarat ditetapkan pihak berkuasa tempatan itu.

KOLAM takungan banjir berhampiran PPR Seri Anggerik, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur yang didakwa mengeluarkan bau busuk.

